

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status terkini bilangan menara komunikasi 4G di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menyediakan liputan jalur lebar mudah alih 4G, pelbagai jenis struktur akan digunakan seperti menara komunikasi, struktur atas bangunan, struktur sementara, dan struktur pelbagai fungsi seperti lampu jalan dan papan iklan untuk meletak alat pemancar.

Manakala di sebuah struktur tersebut, ianya boleh mempunyai satu atau beberapa peralatan pemancar bergantung kepada teknologi dan kapasiti yang perlu disediakan oleh stesen pemancar berkenaan. Peralatan komunikasi yang dipasang di struktur tersebut akan dibuat oleh setiap pihak penyedia perkhidmatan seperti Celcom, Digi, Maxis, Umobile dan YTL bagi memancarkan signal untuk memberikan liputan jalur lebar mudah alih 4G kepada pengguna.

Sehingga 31 Oktober 2021, bilangan stesen pemancar 4G di seluruh negara mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH STESEN PEMANCAR 4G
Selangor	4,801
Johor	3,512
W.P Kuala Lumpur	2,026
Perak	1,840
Sarawak	1,818
Sabah	1,754
Kedah	1,334
Pahang	1,231
Pulau Pinang	1,137
Negeri Sembilan	926
Kelantan	875
Melaka	805
Terengganu	711
Perlis	140
W.P Putrajaya	129
W.P Labuan	94
Jumlah	23,133

Di bawah pelaksanaan Pelan JENDELA, antara inisiatif untuk menambahbaik infrastruktur digital khususnya rangkaian mudah alih di bawah Fasa 1 setakat 31 Oktober 2021 adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap
Semenanjung	1,839	1,000	24,214	22,344
Sabah	538	52	3,500	2,337
Sarawak	823	79	3,012	1,856
WP Labuan	5	2	84	81

Untuk makluman, pihak Kerajaan juga sedang di dalam proses untuk menutup rangkaian 3G agar spektrum yang digunakan dapat digunakan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan teknologi 4G yang dapat menyediakan kelajuan capaian internet yang lebih tinggi. Sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 1.3 juta pelanggan 3G sedia ada telah beralih kepada 4G dan 112,000 rangkaian 3G telah ditutup untuk menambahbaik liputan dan kualiti perkhidmatan teknologi 4G.